

**TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGAL PERTAMA**

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat sejahtera dan selamat pagi

Yang Berhormat Tuan Speaker Dewan

Pegawai-pegawai Persidangan

Yang Berhormat kerajaan dan Yang Berhormat Pembangkang

Selaku **ADUN Pantai Jerejak N36** , izinkan saya membentangkan usul “ **Kebolehpasaran Graduan IPTA di Negeri Pulau Pinang**” . Saya percaya bahawa selepas perbahasan sidang dewan yang mulia ini, usul ini bakal diluluskan in sya ALLAH.

Tuan Yang Dipertua, dan sidang dewan yang dimulihkan,

Usul yang dibawa oleh saya pada hari ini sangat dekat di hati saya dan bakal graduan IPTA khususnya **anak jati negeri Pulau Pinang**. Sudah pasti bakal graduan ini sedar tidak mudah untuk mendapatkan pekerjaan kini terutamanya pasca pandemik COVID – 19 yang memperlihatkan bagaimana ramai yang telah kehilangan pekerjaan sebelumnya , dan diberhentikan kerja oleh majikan akibat tekanan kewangan yang luar biasa dihadapi syarikat. Implikasinya banyak syarikat yang sudah tutup / gulung tikar mengikut industri masing2, Implikasi nya amat besar kepada **ekonomi** dan juga terus menyumbang kepada **kadar pengangguran** yang semakin bertambah.

Sebagai bukti, yang telah dilaporkan oleh **sinar harian pada 13 Oktober 2020** merekodkan sebanyak **5,443 penduduk P.Pinang** telah **hilang pekerjaan** dalam **pelbagai bidang semasa PKP**. Hal ini ditambah pula apabila **Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia** dalam sebaran **statistik siswazah 2020** melaporkan **kadar pengangguran semakin meningkat** dengan ketara sebanyak **22.5 peratus pada tahun 2020**.

Selain itu, **Kementerian Pengajian Tinggi** di bawah menterinya iaitu Datuk Dr Noraini Ahmad juga telah mengeluarkan kenyataan pada **tahun 2020** sebanyak **75,000 graduan** yang keluar pada tahun tersebut **tipis** untuk mendapatkan **peluang pekerjaan**. Jumlah itu adalah **25 peratus daripada 300,000** penuntut institusi pengajian tinggi tahun 2020 yang bakal menamatkan pengajian masing-masing. Justeru, berdasarkan **41,161 graduan yang belum bekerja dalam tahun 2019**, serta unjuran **75,000** bagi tahun 2020, maka dianggarkan seramai **116,161 graduan** perlu diberi perhatian untuk ditingkatkan lagi kebolehpasaran mereka.

Berdasarkan laporan minggu ketiga 2021 Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), jumlah **kehilangan pekerjaan** bagi **2020 meningkat 167 peratus, iaitu daripada 40,084 pada 2019 kepada 107,024 2020**. Manakala, **Jumlah penganggur graduan siswazah pada 2019** iaitu sebelum COVID 19 pula dicatatkan seramai **170,300 orang, iaitu meningkat sebanyak 5.5 peratus berbanding tahun 2018 (161,300)**.

Sementara itu, **kajian Institute of Student Employers (ISE)** melaporkan tahap pengambilan pekerja atau pasaran buruh graduan dan pelajar latihan atau penempatan Malaysia **turun sebanyak 15 peratus kepada 29 peratus tahun 2020** Dijangkakan angka penurunan ini akan berlanjutan sehingga tahun berikutnya dengan menyaksikan **lebih 30 peratus** penurunan mungkin terjadi khususnya bagi **pekerjaan graduan siswazah**.

Oleh itu, Untuk makluman dewan yang mulia, **Program Management Traineeships** yang membuka peluang pekerjaan graduan **tanpa pengalaman** daripada syarikat besar-besar. Peserta traineeship ini direkrut sendiri oleh pihak syarikat berdasarkan personaliti mereka ketika ditemuduga oleh panel syarikat. Sekiranya berjaya, peserta akan diajar selok belok pengurusan syarikat di setiap peringkat pengurusan. Paling menarik, program latihan ini menjanjikan peluang pekerjaan tetap untuk graduan selepas tamat program sekiranya menunjukkan prestasi yang baik. Elaun/gaji bulanan juga sama seperti mana gaji pekerja syarikat yang lain mengikut kelayakan akademik masing-masing. Tiada sebarang diskriminasi.

Berikut merupakan **syarikat besar** yang menawarkan pekerjaan kepada graduan **tanpa pengalaman**

- 1) CELCOM Axiata Management Trainee
- 2) DRB-HICOM Management Trainee
- 3) The Islamic Banker Management Trainee
- 4) SilTerra Graduate Nuturing Programme
- 5) Sasa Management Trainee Programme
- 6) Sime Darby Programme Management Trainee Programme
- 7) AEON Management Trainee Programme
- 8) Khazanah Graduate Trainee Programme
- 9) Canon Management Trainee Program
- 10) Executive Trainee Program Malaysia Development Bank
- 11) Management Trainees Program-UNI QLO

PERSOALAN KEPADA EXCO PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PENDIDIKAN, SAINS TEKNOLOGI

- 1) Berapa banyakkah graduan **IPTA** Pulau Pinang **PASCA** Pandemik COVID 19 yang **tiada pengalaman** ini mendapatkan pekerjaan hasil inisiatif program-program yang dijalankan oleh kerajaan negeri ?Jika ada daripada sektor manakah? Seterusnya Adakah pekerjaan tersebut sepadan dengan pengajian mereka ketika berada di Universiti? Adakah Gaji yang diberikan syarikat terbabit sepadan dengan kelulusan yang dimiliki graduan?
- 2) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hubungan kerjasama secara langsung dengan 11 syarikat besar yang dinyatakan di atas ?
- 3) **ATAUPUN** kerajaan negeri mempunyai hubungan kerjasama dengan syarikat besar lain yang membantu graduan pulau pinang **tanpa Pengalaman** ini mendapatkan peluang pekerjaan yang professional dan sesuai dengan kelayakan yang dimiliki?

GLC di bawah kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 1) Berapakah jumlah GLC (Government Linked Company) terkini yang terdapat di bawah kerajaan Pulau Pinang?

- 2) Nyatakan dalam bentuk peratusan anak jati negeri Pulau Pinang yang mengangotai GLC ini
- 3) Adakah kerajaan bersedia memberi jaminan dan peluang untuk lebih mengutamakan Fresh Graduate dari anak negeri pulau pinang untuk mengangotai GLC ini pada masa hadapan

Saya, **ADUN Pantai Jerejak** mohon mengusulkan.

Mohammad Amirul Irfan
N36 Pantai Jerejak
Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

